TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 6 /20182019
TARIKH: 21 FEBRUARI 2019 (KHAMIS) BIL: 6 2018/2019

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	**ALUAN PENGERUSI**		
	1.2 Program Pesisir Pengerusi seterusnya meminta supaya TD fakulti untuk menyemak tentang pelantikan penyelaras program Pesisir kerana terdapat penyelaras yang didapati tidak kompeten dalam pengurusan program tersebut. SPS telah mendapat maklum balas dari pelajar berkenaan dengan penyelaras yang sukar dihubungi terutamanya pada hujung minggu. Fakulti dinasihatikan untuk membuat pelantikan baharu sekiranya perlu. Unit Pesisir SPS UTM akan mengeluarkan emel/surat pemakluman kepada semua TD fakulti dan salinan kepada TP berkenaan dengan senarai terkini penyelaras program Pesisir.	**Tindakan : BPPK, SPS:**	
	1.3 Semakan Kurikulum Pasca Siswazah Pengerusi memaklumkan bahawa semakan kurikulum pasca siswazah akan dibuat pada tahun 2019 secara berpusat. . Kertas kerja akan dibawa ke mesyuarat JKKU Khas bagi membentangkan kurikulum baharu pasca siswazah untuk tahun 2019. Sebanyak 115 program yang terlibat di dalam semakan kurikulum kali ini. Pecahan bilangan program yang terlibat akan diberikan semasa r*oadshow* ke fakulti. Agenda utama semakan kurikulum ini adalah bagi mengemaskini dan menyediakan kurikulum yang menyokong agenda *future-ready curriculum.* Pindaan kurikulum ini melibatkan perubahan pada Program Educational Objectives (PEO) dan Programme Learning Outcomes (PLO) yang selari dokumen MQF 2.0 manakala nama program, tempoh pengajian dan jumlah kredit keseluruhan tidak berubah.	**Tindakan : Urus Setia BPSP, SPS**	.

<table>
<tr><th>RUJUKAN</th><th>PERKARA</th><th>PIHAK BERTANGGUNGJAWAB</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>1.4 Edaran Pekeliling SPS

Pengerusi memaklumkan bahawa Timbalan Pendaftar SPS telah membuat edaran secara emel berkenaan dengan dua pekeliling akademik baharu daripada pihak SPS iaitu :

i. Pekeliling Bil 1/2019 Salinan Tesis Untuk Tujuan Graduan
ii. Pekeliling Bil 2/2019 Syarat Kelayakan Terkini Menjadi Penyelia Kepada Pelajar Pascasiswazah

Bagi pekeliling bil 2/2019 pengerusi meminta dibuat pembetulan bagi tarikh di dalam slide iaitu dari 2014 kepada 2013 dan diedarkan kembali kepada semua sekolah dan fakulti.</td><td>Tindakan :TP, SPS</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>1.6 Biasiswa IDF dan NPF

Pengerusi memaklumkan bahawa tawaran biasiswa IDF dan NPF telah dibuka dari 17 Februari sehingga 28 Februari 2019. Kuota bagi biasiswa IDF adalah sebanyak 137 tempat dan biasiswa NPF sebanyak 440 tempat. Penyelia bertanggungjawab untuk mengesahkan permohonan pelajar mod penyelidikan dan untuk mod campuran dan mod kerja kursus pula disahkan oleh TDA.

<table>
<tr><th>Biasiswa</th><th>Kategori pelajar yang layak memohon</th></tr>
<tr><td>IDF</td><td>Pelajar Phd mod penyelidikan sepenuh masa yang berada dalam semester 1 hingga 6.</td></tr>
<tr><td>NPF</td><td>Pelajar Phd mod penyelidikan sepenuh masa yang berada dalam semester 1 hingga 6.

Pelajar Master mod kerja kursus, mod campuran dan mod penyelidikan yang berada dalam semester 1 hingga 4.</td></tr>
</table></td><td>Tindakan : Urus Setia BPKA, SPS</td><td></td></tr>
</table>

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
3.0	**PERKARA BERBANGKIT**		
	3.3 Penambahbaikan Senarai Nama Pelajar Pengerusi telah mencadangkan agar urusetia membuat penambahbaikan berkenaan dengan lampiran senarai nama pelajar yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat JAPSU dengan meletakkan ringkasan nama pemeriksa. Perkara ini akan dibincangkan semula bersama Pegawai IT, Pejabat TNCA dari segi penambah baikan lampiran di sistem GSMS.	**Tidakan : Urus Setia BPKA, SPS**	
	3.4 Kursus Asas Penyeliaan AS101 Prof. Madya Dr. Noor Hazarina telah meminta kerjasama fakulti untuk melihat kembali kesesuaian tajuk dan penceramah yang dicalonkan untuk memberi taklimat bagi AS 101. Ini adalah kerana terdapat pencalonan penceramah yang tidak sesuai dari segi pengalaman dan tajuk yang hendak dibentangkan.	**Tindakan : Semua Fakulti**	
4.0	**LAPORAN BAHAGIAN**		
	4.1 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD) Pihak AMD telah melaporkan bahawa hasil semakan mendapati seramai 1652 orang pelajar aktif tidak mendaftar kursus kerana status berhutang. Pengerusi telah meminta AMD untuk menyemak semula senarai pelajar ini dengan pihak Bendahari UTM sama ada mereka telah menjelaskan hutang mereka.	**Tindakan : AMD**	
6.0	**PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) /NOTIS HANTAR TESIS (NHT)**		
	6.6 SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS) 6.6.1 Mesyuarat tidak memperakukan pelajar Azlin binti Jamil kerana Kedua-Dua Penilai Berada Di Luar Negara.	**Tindakan : Urus Setia BPKA, SPS**	